



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)**

GARIS PANDUAN PERMOHONAN

**KUMPULAN WANG AMANAH KEBUDAYAAN DAN KEBAJIKAN PENGGIAT SENI
(KWAKKPS)
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)**

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Penubuhan Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009. Sejumlah RM3 juta telah diperuntukkan sebagai geran pelancaran.
- 1.2 Pada 17 Disember 2010, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya ditubuhkan satu **Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS)** di bawah **Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957**.
- 1.3 Jemaah Menteri juga bersetuju supaya baki kewangan daripada 3 Akaun di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) iaitu Akaun Amanah Kebudayaan (Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957), Akaun Amanah Pembangunan Seni dan Muzik (Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Tabung Kebajikan Penggiat Seni yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009 diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni ini.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Objektif utama penubuhan Kumpulan Wang Amanah di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 KWAKKPS MOTAC seperti dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah adalah seperti berikut:
 - i. Membiayai pelaksanaan aktiviti, program dan projek seni, budaya dan/atau warisan yang bertaraf kebangsaan, menyediakan kemudahan yang bersesuaian dengan tujuan mengembangkan, meluaskan pengetahuan, fahaman dan kemajuan serta menambah

keupayaan memperoleh dan pemakaian kebudayaan dan kesenian oleh seluruh lapisan masyarakat yang meliputi seni tari, seni teater, seni visual, seni sastra, seni muzik, seni persembahan, seni perfileman, kraftangan dan lain-lain; dan

Surat Ikatan Amanah
Perkara 1.1

- ii. untuk menyediakan kemudahan yang bersesuaian dan memberi bantuan kewangan kepada badan-badan dan penggiat seni yang daif dan kepada waris penggiat seni yang telah meninggal dunia, menghargai jasa dan sumbangan yang diberikan oleh penggiat seni dalam membangunkan industri seni, budaya dan/atau warisan.

Surat Ikatan Amanah
Perkara 1.2

3.0 TAFSIRAN PENGGIAT SENI

3.1 Individu atau kumpulan yang terlibat secara aktif dalam bidang seni, budaya dan/atau warisan sama ada secara sepenuh masa atau sambilan yang menyumbang kepada pembangunan, penghasilan, persembahan, promosi, penyelidikan, pendidikan atau pemeliharaan.

3.2 Kategori penggiat seni merangkumi:

- a) **Seni Persembahan** – pelakon, penari, pemuzik, penyanyi, pengarah, penulis skrip, pereka pentas, pengurus produksi dan tenaga kerja teknikal berkaitan.
- b) **Seni Visual dan Reka Bentuk** – pelukis, pengukir, pereka bentuk, jurugambar, pereka fesyen, pereka grafik dan penggiat seni visual lain.
- c) **Sastra dan Penulisan Kreatif** – penulis, penyair, penterjemah, penyunting dan penggiat sastra lain.
- d) **Seni Tradisional dan Warisan** – penggiat seni kraftangan, pemain muzik tradisional, penenun, pembuat alat muzik tradisional, penggiat teater tradisional dan seumpamanya.

- e) **Seni Media Baharu dan Filem** – pengarah filem, penerbit, penulis skrip, pelakon skrin, animator, pencipta kandungan seni digital dan tenaga kerja kreatif lain.
- f) **Seni Komuniti dan Pendidikan Seni** – fasilitator, pendidik, penyelidik atau aktivis seni yang berperanan dalam memperkasa komuniti melalui pendekatan kesenian.

DAKEN & Buku
Penetapan Industri
Kreatif

4.0 KATEGORI BANTUAN

4.1 Akaun 1 – Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS)

Penubuhan tabung ini adalah untuk memastikan kebajikan penggiat seni sentiasa terbela dan diberi perhatian. Bantuan kewangan diberikan berdasarkan kepada 4 jenis pemberian bantuan.

4.1.1 Khairat Kematian (*tempoh kematian tidak melebihi 1 tahun*)

4.1.2 Ehsan/Daif

4.1.3 Perubatan

4.1.4 Bencana Alam (*yang mengakibatkan premis, prasarana atau peralatan kegiatan seni itu rosak atau musnah*).

Surat Ikatan Amanah
Perkara 14.3, 14.9 &
14.11

4.2 Akaun 2 – Tabung Amanah dan Sumbangan (TAS)

Penubuhan tabung ini untuk membantu penggiat seni menjalankan aktiviti yang berkaitan seni, budaya dan/atau warisan

Surat Ikatan Amanah
Perkara 14.1, 14.2,
14.4, 14.5, 14.6, 14.7,
14.8 & 14.10

5.0 PEMOHON YANG LAYAK

5.1 TABUNG A - Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS)

- 5.1.1 Penggiat seni dalam kalangan warga negara Malaysia/penduduk tetap;
- 5.1.2 Bergiat secara aktif dalam bidang seni sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun dan telah diiktiraf oleh jabatan/agensi/persatuan yang berkaitan dan berkelayakan;
- 5.1.3 Berumur 60 tahun ke atas adalah diberi keutamaan;
- 5.1.4 Tidak mempunyai rekod jenayah;
- 5.1.5 Tidak mempunyai pendapatan atau sumber kewangan yang tetap dan telah disahkan oleh jabatan/agensi/persatuan yang berkaitan dan berkelayakan dan diberi keutamaan;
- 5.1.6 Menghidap penyakit kronik yang disahkan oleh pegawai perubatan; dan
- 5.1.7 Permohonan hanya boleh dibuat sekali seumur hidup oleh setiap pemohon, tanpa mengira jenis atau kategori bantuan.

5.2 TABUNG B - Tabung Amanah & Sumbangan (TAS)

- 5.2.1 NGO, Pertubuhan Tidak Berasaskan Keuntungan (NPO) atau Persatuan Seni yang berdaftar dan masih aktif di bawah Akta Pertubuhan 1966;

5.2.2 Orang perseorangan/penggiat seni warganegara Malaysia/penduduk tetap yang diperaku oleh MOTAC atau jabatan/agensi/persatuan yang berkaitan dan berkelayakan dan pihak berkuasa berkaitan;

5.2.3 Permohonan kali kedua dan seterusnya hanya boleh dikemukakan selepas tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh kelulusan bantuan terdahulu; dan

5.2.4 Entiti yang **TIDAK LAYAK** memohon ialah:

- Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG);
- Universiti IPTA / IPTS;
- Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM);
- Universiti Awam (UA)/IPTS
- Syarikat (Swasta/Korporat)
- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
- Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun & Agensi Kerajaan
- Pertubuhan politik & keagamaan
- Mana-mana entiti/individu/orang perseorangan yang telah disenarai hitam oleh kerajaan

6.0 HAD BANTUAN

6.1 TABUNG A – Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS)

- ✓ Khairat Kematian (RM5,000.00 – kadar rata)
- ✓ Ehsan/Daif (seperti dalam Jadual Kadar)
- ✓ Perubatan (maksimum RM10,000.00)
- ✓ Bencana Alam (maksimum RM5,000.00)

6.2 TABUNG 2 – Tabung Amanah dan Sumbangan (TAS)

- ✓ Tertakluk kepada kewajaran dan kedudukan baki peruntukan serta syor/ulasan dari jabatan/agensi/persatuan yang berkaitan dan berkelayakan; dan
- ✓ Penyaluran bantuan akan dibuat selepas program/aktiviti/acara selesai dilaksanakan dan laporan pelaksanaannya diterima oleh pihak MOTAC.

7.0 PROSES PERMOHONAN YANG WAJIB DIPATUHI

Permohonan mestilah menggunakan borang khas yang diperolehi dari Bahagian Dasar Kebudayaan MOTAC (Unit Pemerkasaan Industri Kebudayaan) dan sertakan bersama dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:

7.1 TABUNG A – Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS)

- ✓ Salinan Kad Pengenalan Pemohon;
- ✓ Salinan Laporan Perubatan (hospital/klinik);
- ✓ Salinan Bil/Resit Bayaran;
- ✓ Salinan Laporan Polis;
- ✓ Salinan Perakuan Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- ✓ Laporan Kerugian Bencana & Taksiran;
- ✓ Salinan Sijil Kematian (JPN.LM03);
- ✓ Salinan Kad Pengenalan Si Mati (Jika Ada);
- ✓ Salinan Sijil Nikah/Kad Perakuan Nikah (waris- balu);
- ✓ Salinan Sijil Lahir (waris – anak);
- ✓ Surat Akuan Persetujuan;
- ✓ Salinan Muka Depan Penyata Akaun; dan
- ✓ Ulasan dan Syor dari Jabatan/Agensi/persatuan yang berkaitan dan berkelayakan.

7.2 TABUNG B – Tabung Amanah & Sumbangan (TAS)

- ✓ Salinan Kad Pengenalan Pemohon (Individu);
- ✓ Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan (ROS);
- ✓ Salinan Muka Depan Penyata Akaun;
- ✓ Kertas Kerja
- ✓ Salinan Surat Undangan,
- ✓ Ulasan dan Syor dari Jabatan/Agensi yang berkaitan; dan
- ✓ Dokumen Sokongan – Laporan Perlaksanaan

7.3 Permohonan hendaklah dibuat melalui jabatan/agensi/persatuan di bawah MOTAC atau yang berkaitan atau NGO seni yang berdaftar bagi mendapatkan ulasan dan syor. **TANPA** ulasan dan syor ini, permohonan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

7.4 Hanya **PERMOHONAN YANG LENGKAP** akan diangkat untuk pertimbangan dan sebarang **KEPUTUSAN ADALAH MUKTAMAD.**

7.5 Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan kepada MOTAC seperti butiran berikut:

Urus Setia
Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan
Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS)
Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 4, No.2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya.
Tel: 03-8891 7457/7592
E-mel: kwakkps@motac.gov.my

- 7.6 Setiap permohonan akan diangkat untuk penilaian dan pertimbangan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS)** yang diadakan **dua (2) kali setahun** ATAU melalui kaedah **Resolusi Secara Edaran (Perkara 8, Surat Ikatan Amanah)** berdasarkan keperluan dan kesegeraan.

Disediakan oleh:
Unit Pemerkasaan Industri Budaya
Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Tarikh: 02 Disember 2025